

## 1.0 PENDAHULUAN DAN PANDUAN PENGGUNAAN

### 1.1 TUJUAN

- 1.1.1 Tujuan buku ini dikeluarkan adalah untuk memberikan maklumat berkenaan dengan kos bagi melaksanakan kerja-kerja Jabatan Pengairan dan Saliran. Maklumat-maklumat kos ini boleh digunakan sebagai panduan untuk menyediakan anggaran kos, membuat pelarasan kadar-kadar harga atau untuk tujuan perundingan kadar harga.

### 1.2 KANDUNGAN

- 1.2.1 Maklumat-maklumat yang terkandung di dalam buku ini adalah berdasarkan kepada dokumen-dokumen kontrak bagi kerja-kerja Jabatan Pengairan dan Saliran yang pada amnya adalah terdiri dari:

- i) Kerja-kerja Pengairan
- ii) Kerja-kerja Saliran dan Tebatan Banjir
- iii) Kerja-kerja Kejuruteraan Pantai
- iv) Kerja-kerja Kejuruteraan Sungai

Dokumen Kontrak bagi kerja bangunan, jambatan, empangan dan sebagainya tidak diambil sebagai sampel bagi keluaran ini.

- 1.2.2 Maklumat-maklumat ini disusun dalam empat (4) bahagian utama iaitu;

- i) Kos Kerja-kerja Am (General Items)
- ii) Kos Item-item Kerja
- iii) Kos Upah Buruh
- iv) Kos Sewa Loji & Peralatan

### 1.3 SUMBER MAKLUMAT / PEMILIHAN SAMPEL

- 1.3.1 Data-data di dalam buku ini adalah diabstrak dari dokumen-dokumen kontrak konvensional bagi projek yang dilaksanakan dalam tahun 2008 dan 2009 daripada negeri-negeri yang dikemukakan oleh pejabat-pejabat yang berkenaan.
- 1.3.2 Kadar harga adalah diambil daripada dokumen kontrak yang disediakan berasaskan kepada senarai kuantiti.

### 1.4 ANALISA DAN SUSUNAN DATA

- 1.4.1 Data-data bagi item Kerja-kerja Am yang serupa dikumpulkan dan diberi dalam bentuk julat dan purata, manakala data-data bagi Item-item Kerja, Kos Upah Buruh dan Kos Sewa Loji & Peralatan yang serupa dikumpulkan dan diberi dalam bentuk purata. Data-data yang terlalu tinggi atau rendah telah digururkan.
- 1.4.2 Melalui penganalisan tersebut adalah didapati wujudnya ketidakseragaman di dalam penyediaan dokumen tender/tawaran, samada dari segi pengukuran kuantiti dan keterangan kerja bagi beberapa item kerja. Sehubungan dengan itu, item-item yang serupa/hampir serupa telah dikumpulkan bersekali dan diberikan didalam bentuk julat dan purata. Pertimbangan tidak diberikan bagi cara pengukuran yang berbeza bagi satu-satu item kerja yang sama.
- 1.4.3 'Purata' bagi sesuatu kawasan diperolehi berdasarkan kepada jumlah nilai data-data kos bagi sesuatu item kerja dan dibahagikan kepada bilangan sampel yang diambil bagi kawasan berkenaan.
- 1.4.4 Julat keseluruhan adalah berdasarkan kepada nilai purata minimum dan nilai purata maksimum bagi semua kawasan.

## 1.5 PEMAKAIAN DATA

1.5.1 Data-data di dalam buku ini hendaklah digunakan sebagai panduan sahaja.

1.5.2 Pengguna hendaklah menggunakan budibicara bagi memilih kos yang bersesuaian dengan berdasarkan kepada;

i) Nilai kontrak

ii) Keperluan spesifikasi

iii) Cara pengukuran bagi projek yang akan dilaksanakan

iv) Lokasi projek

v) Keadaan pasaran semasa